
Edisi 1 | Isu 1
Volume 1 | Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH SEREMBAN
NOOR AFIQAH SHUHAIDAH BINTI KHAIRUDDIN *lwn* KHAIRUDDIN BIN ABU SAMAH
(NO. KES: 2303-L0205-124-0262)

Nurul Fadhlina Che Daud

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Noor Afiqah Shuhaidah binti Khairuddin *lwn* Khairuddin bin Abu Samah (NO. KES: 2303-L0205-124-0262) (2025) MRS 47 AL-TAQRIR 1. Available at: <https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/13>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH SEREMBAN

NOOR AFIQAH SHUHAIDAH BINTI KHAIRUDDIN

lwn

KHAIRUDDIN BIN ABU SAMAH

NO. KES: 2303-L0205-124-0262

¹Nurul Fadhlina Che Daud

¹Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban

Sinopsis

Kes ini berkaitan tuntutan wali enggan yang difailkan oleh Plaintiff terhadap bapanya di Mahkamah Rendah Syariah Seremban di bawah Seksyen 13(b) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003. Plaintiff menuntut agar pernikahan dengan calon pilihannya dapat dilangsungkan setelah Defendan enggan mewalikannya tanpa alasan munasabah. Mahkamah meneliti keterangan kedua-dua pihak, saksi-saksi, serta merujuk dalil al-Quran, al-Hadis, dan pandangan fuqaha. Mahkamah percaya, peranan wali dalam akad nikah ini telah dimaklumi umum, merupakan satu rukun nikah yang tidak boleh dipandang ringan. Wali berfungsi sebagai pelindung dan penasihat kepada wanita, khususnya dalam urusan perkahwinan yang melibatkan masa depan dan maruah. Keadaan wali yang enggan menikahkan anak perempuannya tanpa sebab yang dibenarkan oleh syarak boleh membawa kepada pelbagai implikasi negatif, bukan sahaja terhadap anak perempuan yang terlibat, tetapi juga terhadap institusi kekeluargaan dan masyarakat secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, Mahkamah tidak akan sewenang-wenangnya memberi kebenaran wali raja tanpa mempertimbangkan keterangan daripada wali bagi mengimbangi hak wali dan hak anak perempuan itu sendiri. Walau bagaimanapun, dalam kes ini selepas pihak wali diberikan ruang untuk memberi keterangan dan membuktikan dakwaan berkaitan kengganannya, analisis Mahkamah mendapati bahawa kuasa wali mujbir tetap terikat dengan syarat sekufu serta larangan menolak calon suami yang beragama dan berakhlak baik. Dalam kes ini, calon suami Plaintiff didapati sekufu, berpendidikan, berpendapatan stabil, dan tidak mempunyai halangan syarak. Alasan Defendan mengenai keengganannya tidak dapat dibuktikan serta tiada calon lain pilihan wali yang lebih sekufu dikemukakan. Mahkamah memutuskan bahawa Defendan telah enggan mewalikan Plaintiff tanpa alasan syarie yang sah. Oleh itu, Mahkamah memberi persetujuan dan membenarkan pernikahan Plaintiff dilangsungkan melalui wali hakim (Wali Raja). Keputusan ini menegaskan prinsip bahawa hak wali mujbir tidak boleh disalahgunakan untuk menghalang perkahwinan yang sah di sisi syarak, khususnya apabila syarat sekufu dan kerelaan pihak perempuan telah dipenuhi.

Pengenalan

[1] Kes ini adalah tuntutan wali enggan yang difailkan oleh Plaintiff terhadap Defendan di bawah seksyen 13 (b) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Latar Belakang Fakta

- [2] Plaintiff telah memfailkan tuntutan wali enggan terhadap Defendan, bapa kandungnya disebabkan Defendan telah gagal menghadirkan diri ke Masjid Negeri, Seremban, Negeri Sembilan bagi mewartakan pernikahan Plaintiff dengan bakal suami pilihan Plaintiff pada 4.3.2023.
- [3] Saman kes ini telah sempurna disampaikan secara kediri Defendan sebagaimana kehendak Seksyen 41 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2003.
- [4] Kes ini telah didengar bermula pada 13.3.2023 sehingga 30.10.2023. Defendan telah memfailkan Pembelaan dan Tuntutan Balas dan memohon agar pendengaran kes dibuat di alamat rumah Defendan (permohonan melalui wakil) memandangkan Defendan mempunyai masalah kesihatan. Tuntutan tersebut tidak dipertimbangkan memandangkan pihak Defendan tidak mengemukakan bukti yang kukuh yang menunjukkan keadaan kesihatan Defendan yang kritikal pada ketika itu melainkan dengan lampiran surat sokongan laporan perubatan berkaitan masalah jantung. Oleh itu, berdasarkan Seksyen 121 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, keterangan utama Plaintiff diteruskan tanpa kehadiran pihak Defendan.
- [5] Mahkamah setelah mendengar keterangan utama pihak Plaintiff dan saksi-saksi Plaintiff, telah menerima permohonan lisan Plaintiff untuk mendapatkan keterangan Defendan secara dalam talian sekiranya Defendan tidak dapat hadir secara fizikal. Pihak Plaintiff dengan kebenaran Mahkamah telah menghubungi Defendan melalui sidang video. Defendan memberi kerjasama dengan hadir secara dalam talian dan menyatakan tidak mengetahui berkaitan tarikh bicara (Mahkamah percaya pemakluman telah disampaikan kepada pihak-pihak sewajarnya) dan tidak dapat meneruskan keterangan pada hari tersebut kerana membawa ibu Plaintiff ke hospital. Defendan seterusnya bersetuju untuk hadir pada tarikh akan datang untuk memberi keterangan.
- [6] Defendan telah hadir ke Mahkamah dan memberi keterangan pada 30.10.2023 dan menyatakan alasan keenggannya dan mengemukakan dua orang saksi iaitu anak-anak lelaki Defendan yang merupakan abang-abang kandung kepada Plaintiff.
- [7] Dalam kes ini perbicaraan telah dijalankan dan Mahkamah telah mendengar keterangan pihak-pihak, dua orang saksi pihak Plaintiff dan dua orang saksi dari pihak Defendan.
- [8] Mahkamah berpuas hati bahawa keterangan-keterangan tersebut dibuat secara iqrar di hadapan Mahkamah ini. Oleh itu, Mahkamah berpendapat keterangan tersebut telah memenuhi keperluan seksyen 17 (1) dan (2)(a) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2003.

Diputuskan

- [9] Setelah meneliti dan mempertimbangkan Hujah-hujah Bertulis yang dikemukakan oleh Pemohon dan Responden, MAKA KAMI dengan sebulat suara memutuskan seperti berikut:
 1. Mahkamah berpuas hati dan mensabitkan Defendan telah enggan mewartakan Plaintiff untuk bernikah tanpa alasan yang munasabah mengikut Hukum Syarak.
 2. Mahkamah berpuas hati bahawa Defendan gagal membuktikan bahawa Defendan mempunyai calon pilihannya untuk Plaintiff.
 3. Plaintiff telah membuktikan bahawa Plaintiff mempunyai calon pilihan untuk menjadi suaminya, sekufu dan tidak mempunyai halangan syarak.
 4. Mahkamah meluluskan dan membenarkan pernikahan Plaintiff, Noor Afiqah Shuhaidah binti Khairuddin (No KP: xxxxxx-xx-xxxx) dengan bakal suaminya, Abdul Haziq Aqmar bin Jamal (No KP: xxxxxx-xx-xxxx) dilangsungkan secara Wali Raja.

5. Surat kebenaran nikah akan dikeluarkan selepas 14 hari dari tarikh keputusan ini.
6. Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan ini hendaklah mengemukakan rayuan dalam tempoh 14 hari.

Senarai Rujukan

Al- Quran dan al-Hadis

Al-Quran. Surah al-Baqarah, ayat 232.

Al-Tirmizi, M. ibn 'Isa. (1983). *Sunan al-Tirmizi* (Hadith No. 1085 & 20853). Beirut, Lebanon: Dar al-Fikr.

Kitab

Al-Bakri al-Dimyati. (1997). *I'alah al-talibin* (Hashiyah) (Vol. 3). Beirut, Lebanon: Dar al-Fikr.

Al-Syarbini, M. ibn A. (1994). *Al-mughni al-muhtaj ila ma'rifat ma'ani al-faz al-minhaj* (Vol. 4). Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Kathir, I. ibn 'U. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'azim* (Vol. 1, pp. 634–635). Makkah, Saudi Arabia: Dar Taybah.

Undang-undang

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (Malaysia), ss. 17(1), 17(2)(a).

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Malaysia), ss. 4, 13(b), 18(2).

Enakmen Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (Malaysia), ss. 41, 121.

Rujukan Kes (tidak dilaporkan)

Khalida binti Khalid lwn Mohd Kamal bin Khalid (Syariah High Court, Negeri Sembilan, 2021) (kes tidak dilaporkan).

Penghakiman Puan Nurul Fadhlina binti Che Daud, HMRS

Isu-Isu yang Perlu Diputuskan

[10] Mahkamah berpuashati bahawa Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes ini berdasarkan Seksyen 4, Seksyen 13 (b) dan seksyen 18 (2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 tanpa sebarang pertikaian.

[11] Oleh itu, secara dasarnya hanya dua isu penting yang perlu Mahkamah putuskan dalam kes ini sebelum keputusan dibuat iaitu:

1. Sama ada Wali Mujbir mempunyai hak dalam perkahwinan ke atas anak perempuannya.
2. Sama ada wujud kes Wali Enggan atau tidak.

Analisis dan Dapatan

Isu Pertama: Sama ada Wali Mujbir mempunyai hak dalam perkahwinan ke atas anak perempuannya

- [12] Persoalan hak wali menikahkan anak perempuan di bawah perwaliannya adalah sangat berkaitan dalam kes ini bagi membuat penjelasan hukum. Dalam perspektif fiqh, kewujudan wali adalah salah satu rukun sah pernikahan seperti yang disebutkan dalam hadis Rasulullah SAW dalam Sunan Abu Daud (1983, Hadis 2083).
- [13] Mahkamah juga merujuk *Kitab I'alah al-Talibin* oleh Al-Bakri al-Dimyati (1997) menunjukkan bahawa bapa dan datuk boleh menikahkan perempuan yang masih gadis tanpa izinnya, jika tidak wujud perbalahan yang nyata antara wali mujbir dan perempuan tersebut.
- [14] Mahkamah percaya kedua-dua dalil tersebut menunjukkan kuasa Wali Mujbir terhadap anak perempuannya.
- [15] Mahkamah dalam kes ini telah meneliti kronologi tuntutan Plaintiff, dan mendapati tuntutan ini merupakan tuntutan wali enggan kali kedua yang telah difailkan pihak Plaintiff di Mahkamah atas sebab kengganan Defendan untuk mewalikan Plaintiff. Plaintiff telah menarik balik kes yang difailkan pada kali pertama berikutan pengakuan Defendan di hadapan Hakim bicara untuk menguruskan dan mewalikan pernikahan Plaintiff.
- [16] Malah, pihak Defendan telah memberi kerjasama yang baik dengan hadir ke Pejabat Agama Islam Seremban, Negeri Sembilan bagi urusan penetapan tarikh dan tempat pernikahan Plaintiff. Defendan telah bersetuju dengan tarikh dan lokasi yang ditetapkan iaitu pada 4 Mac 2023 di Masjid Negeri, Seremban, Negeri Sembilan. Namun pada tarikh tersebut, Defendan telah gagal hadir tanpa sebarang makluman.
- [17] Oleh itu, Mahkamah percaya ketidakhadiran Defendan menyebabkan pernikahan Plaintiff tidak boleh diteruskan menunjukkan betapa Wali Mujbir iaitu Defendan mempunyai kuasa terhadap perkahwinan anak perempuannya, namun Mahkamah berpendapat hak Wali Mujbir untuk menikahkan anak perempuannya tanpa izin (sekiranya itu adalah kehendak Defendan) adalah tidak terpakai dalam kes ini memandangkan telah wujud perbalahan antara kedua-dua pihak berdasarkan rentetan dari pemfailan kes yang pertama pada 21 Februari 2023 sehingga kes yang kedua ini.

Isu Kedua: Sama ada wujud kes wali enggan atau tidak

- [18] Mengikut ayat 232 Surah al-Baqarah menyatakan bahawa para wali tidak boleh menghalangi anak perempuan berkahwin dengan bakal suaminya.
- [19] Al-Imam Ibn Kathir Rahimahullah (1999) di dalam kitabnya *Tafsir al-Quran al'Azim* menyebutkan bahawa ayat di atas menjadi dalil bahawa perempuan tidak boleh menikahkan dirinya sendiri dan ianya mesti melalui wali. Wali dalam permasalahan yang dinyatakan di sini adalah Defendan, iaitu bapa kepada Plaintiff. Oleh itu, seorang bapa yang menjadi wali kepada anaknya tidak sepatutnya untuk enggan mengahwinkan anaknya tanpa keuzuran yang dibenarkan oleh syarak. Sekiranya lelaki bakal suami adalah seorang yang beragama dan baik akhlaknya maka adalah tidak wajar calon tersebut ditolak selari dengan sabda Nabi SAW dalam Sunan Al-Tirmizi (1983, Hadis 1085).
- [20] Dalam keterangan pihak Plaintiff dan saksi-saksi Plaintiff, Mahkamah berpuashati bahawa Plaintiff adalah seorang mukallaf, dan telah meminta izin walinya untuk bernikah dengan calon suami pilihan Plaintiff.

- [21] Defendan dalam keterangannya, memberikan alasan tidak sihat yang menyebabkan Dendan gagal hadir pada hari dan tarikh yang ditetapkan, serta tidak bersetuju sepenuhnya dengan pernikahan tersebut atas sebab calon suami adalah tidak beradab, tidak berakhlak dan tidak sekufu. Namun, Defendan turut mengakui dalam keterangannya bahawa Defendan tidak memberi maklumat awal tentang ketidakhadirannya kepada Plaintiff atau pihak calon suami yang menyebabkan Plaintiff, calon suami dan ahli keluarga calon suami telah pun membuat persiapan dan menunggu kehadiran Defendan di Masjid Negeri, Seremban pada tarikh dan masa yang telah dipersetujui dan ditetapkan.
- [22] Setelah mendengar keterangan Defendan serta saksi-saksinya, Mahkamah berpendapat bahawa ketidakhadiran Defendan lebih menjurus kepada tindakan sengaja untuk menyusahkan dan memudaratkan pihak Plaintiff serta calon suami. Menurut hemat Mahkamah, majlis pernikahan bukanlah perkara remeh yang boleh dipinda atau ditangguhkan sesuka hati, kerana ia melibatkan kos, masa dan tenaga semua pihak yang berkepentingan, termasuk Pegawai Agama Islam dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).
- [23] Keadaan kecemasan (dakwaan masalah kesihatan Defendan) seharusnya dimaklumkan dengan segera melalui panggilan telefon agar majlis dapat ditangguhkan. Selain itu, maklumat juga boleh disampaikan lebih awal sebelum tarikh pernikahan sekiranya terdapat alasan yang munasabah untuk menunda majlis tersebut. Namun demikian, berdasarkan keterangan Plaintiff serta saksi-saksi Plaintiff, mereka tidak menerima sebarang maklumat sama ada sebelum atau pada hari kejadian. Malah, dalam tempoh dua hari sebelum tarikh pernikahan, Plaintiff telah menghubungi Defendan, namun tiada sebarang pemberitahuan mengenai ketidakhadiran Defendan ataupun penolakan untuk meneruskan pernikahan pada tarikh yang telah ditetapkan. Rentetan itu, Plaintiff bersama calon suami serta ahli keluarga pihak lelaki telah mengambil inisiatif hadir sendiri ke rumah Defendan setelah dinasihati oleh pegawai agama untuk mengadakan perbincangan, memandangkan Defendan gagal hadir pada hari berkenaan.
- [24] Namun begitu, keadaan di kediaman Defendan menjadi semakin tegang sehingga berlaku perselisihan antara kedua-dua pihak. Tambahan pula, Defendan gagal mengemukakan sebarang bukti yang menyokong dakwaan mengenai keadaan kesihatan dirinya pada hari tersebut. Malah, Defendan turut mengakui bahawa beliau tidak memberikan persetujuan sepenuhnya terhadap pernikahan berkenaan.
- [25] Mahkamah setelah mendengar keterangan Defendan, Saksi Defendan 1 dan Saksi Defendan 2 (SD1 dan SD2), juga berpuas hati bahawa kesemua Defendan, SD1 serta SD2, tidak bersetuju dengan calon pilihan Plaintiff. Apabila ditanya sama ada mereka baru mengenali calon, mereka mengakui calon suami telah dikenali semasa Plaintiff dan calon masih belajar di kolej yang sama. Oleh itu, Mahkamah percaya calon suami telah lama dikenali oleh pihak Defendan dan menurut keterangan Plaintiff dan Saksi Plaintiff 1 dan Saksi Plaintiff 2 (SP1 dan SP2), hubungan Plaintiff dan calon suami diketahui dan dimaklumi tanpa ada sebarang bantahan. Namun, keluarga Plaintiff berubah fikiran semasa pihak Plaintiff serius untuk mendirikan rumahtangga dengan calon suami dan disebabkan itu, tuntutan wali enggan kali pertama difailkan oleh Plaintiff. Walau bagaimanapun, Defendan sendiri telah menyatakan persetujuan untuk mewalikan Plaintiff di hadapan Hakim bicara dan kes tersebut ditarik balik oleh Plaintiff.
- [26] Berbalik kepada keterangan Defendan, pihak Defendan menyatakan kengganannya dan menyatakan bahawa tidak bersetuju perkahwinan Plaintiff dengan calon suami kerana calon suami tersebut adalah seorang yang tidak beradab, tidak bertanggungjawab, tidak matang dan tidak sekufu dan turut mengemukakan SD1 dan SD2 untuk menyokong keterangan.
- [27] Walau bagaimanapun, Mahkamah setelah meneliti keterangan kedua-dua pihak serta keterangan saksi-saksi, mendapati bahawa dalam kes ini calon suami telah ditentukan orangnya, iaitu Abdul Haziq Aqmar bin Jamal (No KP :xxxxxxxxxxxx). Mahkamah mendapati calon adalah sekufu dengan Plaintiff, berpendidikan dari kolej yang sama dengan Plaintiff, malah seorang pelajar lulus tahfiz (telah menghafaz 26 juzuk al-Quran), telah bekerja dan mempunyai pendapatan yang baik dalam

lingkungan RM3000.00, dan juga telah menyediakan sebuah rumah serta kereta sebagai persediaan untuk perkahwinan. Pihak-pihak juga ada mengakui perkara tersebut adalah antara syarat yang ditetapkan oleh pihak Defendan dan keluarga bagi menjamin masa hadapan Plaintiff. Defendan dan saksi-saksi turut mengakui pihak calon suami telah memenuhi semua yang dinyatakan.

- [28] Selari dengan syarat sekufu yang digariskan dalam Islam, dalam I'anah al-Talibin dibahaskan bahawa kufu' bukanlah syarat sah nikah tetapi adalah hak perempuan dan walinya menurut al-Dimyati (1997). Faktor sekufu adalah daripada aspek agama, keturunan, merdeka atau hamba, pekerjaan, kesihatan tubuh atau keselamatan dari segi aib. Mahkamah juga bersetuju dengan ulasan kitab tersebut bahawa sekufu adalah hak *khiyar* kepada wali mujbir dan pernikahan adalah sah jika wali dan perempuan yang dinikahkan reda dengan keadaan suami tersebut.
- [29] Mahkamah setelah meneliti kes ini berpendapat, dakwaan dan alasan keengganan Defendan dalam mewalikan Plaintiff disebabkan calon suami tersebut adalah seorang yang tidak beradab, tidak bertanggungjawab, tidak matang dan tidak sekufu adalah tidak dapat dibuktikan.
- [30] Dalam kes ini, satu isu ditimbulkan adalah berkaitan satu-satunya syarat yang tidak dapat dipenuhi oleh calon suami iaitu berkaitan penurunan berat badan. Plaintiff, SP1 dan SP2 menyatakan bahawa, Defendan dan keluarga turut memberi syarat agar calon suami iaitu SP1 untuk menurunkan berat badan. Menurut SP1, dia tidak dapat menurunkan berat badan kerana kebergantungannya kepada ubat atas sebab kesihatan dan keadaan tersebut diterima oleh Plaintiff namun menjadi satu halangan daripada pihak Defendan dan keluarga.
- [31] Isu berat badan boleh dikategorikan di bawah faktor kesihatan tubuh dan keselamatan dari segi aib mengikut al-Dimyati, namun perkara tersebut tidak menjadi masalah kepada kedua-dua pihak Plaintiff dan bakal suami memandangkan Plaintiff reda dengan keadaan tersebut. Malahan tiada bukti dari pihak Defendan menyatakan bahawa dengan berat badan calon suami tersebut boleh mengakibatkan kemudaratan kepada perkahwinan atau termasuk dalam kecacatan atau aib yang boleh menghalang perkahwinan.
- [32] Mahkamah juga bersetuju dengan al-Dimyati dalam kitab yang sama I'anah al-Talibin bahawa kesimpulannya dalam mazhab Syafi'i, wali mujbir boleh memilih calon *sekufu*, tapi tidak boleh menolak pilihan anak perempuan jika lelaki pilihannya juga *sekufu* (walaupun taraf sosial lebih rendah). Sekufu utama adalah daripada aspek agama. Oleh itu, jika perempuan tersebut memilih lelaki soleh, wali tidak boleh memaksa dengan alasan ada calon lain yang lebih sekufu.
- [33] Mahkamah juga merujuk kitab Mughni al-Muhtaj oleh Khatib al-Syarbini, Jilid 4, halaman 252 dan bersetuju bahawa perbuatan Defendan ini boleh dianggap sebagai wali enggan kerana Plaintiff telah meminta izin dan persetujuan untuk dinikahkan dengan lelaki yang sekufu, namun Defendan tidak bersetuju mewalikan pernikahan tersebut.
- [34] Walau bagaimanapun, Mahkamah masih meraikan hak wali dan berpendapat sekiranya kenggan wali mujbir menikahkan Plaintiff kerana mempunyai calon suami yang lain yang sekufu, dan lebih baik dari calon suami yang dibawa oleh Plaintiff, maka Mahkamah akan turut mempertimbangkan alasan tersebut.
- [35] Dalam Kitab Mughni al-Muhtaj, jilid 4, halaman 253 ada menerangkan sekiranya seorang perempuan yang boleh dipaksa berkahwin meminta berkahwin dengan lelaki pilihannya yang sekufu, sedangkan bapa atau datuknya yang mempunyai kelayakan sebagai wali mujbir (boleh memaksa berkahwin) mengkehendaki supaya ia berkahwin dengan lelaki lain yang sekufu, maka wali itu berhak berbuat demikian (iaitu mengahwinkan perempuan itu dengan lelaki pilihan wali yang sekufu) menurut pendapat yang paling sah (dalam mazhab Syafi'i) kerana pandangan wali itu dalam urusan sekufu adalah lebih sempurna daripada pandangan perempuan tersebut".

[36] Walau bagaimanapun, Defendan sendiri mengakui tidak mempunyai calon pilihan lain dan tidak disebut langsung dalam alasan keengganannya mewalikan Plaintiff.

[37] Mahkamah turut merujuk kes wali enggan Negeri Selangor Khalida binti Khalid lwn Mohd Kamal bin Khalid, 2021 (tidak dilaporkan) yang merujuk kepada Kitab Raudatul al-Talibin Jilid 5, MS 504 dan selari dengan itu, Defendan telah ditanya oleh Hakim dan menyatakan tiada persetujuan untuk mewalikan Plaintiff. Mahkamah percaya tiada halangan syarak antara Plaintiff dan calon suami untuk dinikahkan dan menerima bahawa calon suami yang dikemukakan adalah sekufu dengan Plaintiff. Oleh itu, Mahkamah berpuas hati telah wujud kes wali enggan iaitu Defendan telah enggan menikahkan Plaintiff tanpa sebab yang diharuskan syarak.

Keputusan

[38] Setelah meneliti dan mempertimbangkan Hujah-hujah Bertulis yang dikemukakan oleh Pemohon dan Responden, MAKA KAMI dengan sebulat suara memutuskan seperti berikut:

1. Mahkamah berpuas hati dan mensabitkan Defendan telah enggan mewalikan Plaintiff untuk bernikah tanpa alasan yang munasabah mengikut Hukum Syarak.
2. Mahkamah berpuas hati bahawa Defendan gagal membuktikan bahawa Defendan mempunyai calon pilihannya untuk Plaintiff.
3. Plaintiff telah membuktikan bahawa Plaintiff mempunyai calon pilihan untuk menjadi suaminya, sekufu dan tidak mempunyai halangan syarak.
4. Mahkamah meluluskan dan membenarkan pernikahan Plaintiff, Noor Afiqah Shuhaidah binti Khairuddin (No KP: xxxxxx-xx-xxxx) dengan bakal suaminya, Abdul Haziq Aqmar bin Jamal (No KP: xxxxxx-xx-xxxx) dilangsungkan secara Wali Raja.
5. Surat kebenaran nikah akan dikeluarkan selepas 14 hari dari tarikh keputusan ini.
6. Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan ini hendaklah mengemukakan rayuan dalam tempoh 14 hari.

Kesimpulan

[39] Defendan sebagai wali mujbir mempunyai hak terhadap perkahwinan anak perempuannya iaitu Plaintiff, walau bagaimanapun, Mahkamah mendapati bahawa wali Plaintiff dalam kes ini telah gagal mendatangkan alasan syarie yang munasabah untuk menghalang perkahwinan anak perempuan kandungnya dan seterusnya mewalikannya. Mahkamah mensabitkan wali telah enggan mewalikan Plaintiff tanpa alasan munasabah yang diharuskan syarak.

Hakim

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh **Puan Nurul Fadhlina binti Che Daud**, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh

20 November 2023

Peguam Syarie

Pihak-pihak tidak diwakili mana-mana peguam syarie.